

Subra atau Palanivel?

UM-24/6/2006

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI
dan S. ANAND KUMAR
(WARTAWAN UTUSAN)

ADAKAH perwakilan akan memilih Datuk S. Subramaniam atau Datuk G. Palanivel?

Teka-teki berhubung persoalan itu akan terjawab hari ini, apabila 1,441 perwakilan dijangka mengundi pada pemilihan MIC kali ke-20.

Apakah Subramaniam akan memperjuangkan jawatannya sebagai Timbalan Presiden MIC, atau kemungkinan Palanivel akan menewaskan beliau.

Subramaniam yang dikenali sebagai *Makkal Thalaivar Subra* (pemimpin masyarakat) dalam politik MIC, akan terlibat dengan pertandingan satu lawan satu dengan Palanivel, Naib Presiden MIC, yang mendapat restu Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Apakah pada pemilihan MIC itu juga, Anggota Jawatankuasa Pusat (CWC) MIC yang merupakan "pilihan Presiden MIC" akan berjaya mempertahankan jawatan masing-masing, atau apakah calon "persendirian" yang akan membuat kejutan?

Dua persoalan ini akan terjawab menjelang petang ini, semasa pemilihan kali ini. Bukan sahaja merupakan peristiwa yang bersejarah dalam tempoh 60 tahun penubuhan parti itu, tetapi juga mendapat perhatian masyarakat Malaysia.

Ini kerana buat pertama kalinya ramai calon bertanding bagi merebut kerusi CWC.

Seramai 61 calon bertanding pada pemilihan kali ini termasuk 52 orang yang bertanding kerusi CWC, tujuh bertanding jawatan Naib Presiden dan dua bertanding kerusi Timbalan Presiden.

Pemilihan ini juga akan menjadi sejarah buat MIC, yang merupakan parti terbesar mewakili masyarakat India di negara ini, bukan sahaja kerana ia akan menentukan masa depan parti itu, tetapi juga buat Subramaniam dan Palanivel.

Perwakilan kini berdepan dengan tugas berat, sama ada mahu mengekalkan Subramaniam atau memilih Palanivel.

Perwakilan juga menghadapi tugas berat sama ada mahu mengekalkan barisan calon yang disokong oleh Presiden parti atau memilih calon persendirian.

Subramaniam menawarkan rekod perkhidmatannya yang panjang dalam MIC selama 44 tahun sebagai aset untuk dinilai oleh perwakilan.

Palanivel pula menjadikan kedudukannya sebagai calon 'pilihan' Presiden untuk dinilai oleh perwakilan.

Semuanya akan menjadi mudah bagi Samy Vellu, sekiranya Palanivel menang dan barisan pilihannya (Samy Vellu) yang bertanding jawatan naib presiden dan CWC turut menang.

Tetapi kemungkinan Samy Vellu akan menghadapi kesulitan sekiranya Subramaniam berjaya mempertahankan kerusinya dan calon persendirian turut menang.

Baru-baru ini, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya telah menegaskan bahawa beliau tidak dapat bekerjasama dengan Subramaniam.

Sanggupkah, Samy Vellu bekerjasama dengan Subramaniam dan calon-calon persendirian demi kepentingan masa depan MIC dan masyarakat kaum India, sekiranya Subra dan calon persendirian menang?

Inilah signifikannya pemilihan MIC kali ini.

Ia bukan sekadar menguji ketahanan Subramaniam dan kemampuan Palanivel, tetapi juga menguji kebijaksanaan perwakilan.

Keputusan bijak perwakilan akan membawa perubahan baru kepada MIC selaku jentera penting pembangunan ekonomi dan sosial bagi masyarakat India di negara ini.

Pada pemilihan itu juga, kesabaran dan kewibawaan Samy Vellu pasti turut diuji.

Pemilihan itu semakin menarik menjelang saat akhir berkempen, apabila calon-calon sokongan Presiden mengubah strategi dengan diketuai Samy Vellu mula melancarkan kempen agresif.

Samy Vellu menggunakan kedudukannya sebagai Presiden parti bagi mempengaruhi perwakilan dengan mengeluarkan kenyataan yang seolah-olah berupa arahan menggesa perwakilan supaya "mesti" memilih calon-calon sokongannya.

Palanivel pula mengekalkan pendekatan sederhana meminta perwakilan memilih calon berdasarkan rekod perkhidmatan mereka.

Subramaniam pula yang merasa teka-



S. SUBRAMANIAM (kiri) atau G. Palanivel yang akan menang jawatan Timbalan Presiden MIC? Gambar diambil semasa majlis penamaan calon di Ibu Pejabat MIC, baru-baru ini.

- Bernama

nan dengan kempen agresif Samy Vellu turut mengubah pendekatan.

Beliau merayu perwakilan supaya memilihnya dan calon-calon yang berkaliber, mempunyai integriti dan setia sebagai pilihan mereka.

"Pilihlah saya dan calon-calon lain yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi ini, kerana kami adalah "calon MIC," rayu Subramaniam.

Sementara itu, banyak cakap-cakap sumbang juga kedengaran sepanjang kempen selama 20 hari, sejak hari penamaan calon 4 Jun lalu, mendakwa ada unsur-unsur tidak sihat berlaku semasa berkempen.

Ada yang menyatakan calon-calon Presiden menggunakan pendekatan "ugut" para perwakilan.

Banyak lagi desas-desus lain yang kedengaran dan disebarkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada dengan sengaja atau tidak, semata-mata bagi mempengaruhi keputusan para perwakilan.

Namun seperkara yang pasti, semua cakap-cakap itu sukar dibuktikan, teta-

pi ia terus menjadi rempah-ratus yang mewarnai dan merancakkan lagi kempen pemilihan MIC kali ini.

Pada akhirnya, yang penting ialah keputusan perwakilan kerana mereka yang akan membuat pilihan.

MIC dan seluruh warga parti itu harus menghormati keputusan perwakilan sama ada mereka suka atau pun tidak dengan pilihan mereka.

Jawatankuasa Pemilihan MIC yang diketuai oleh Datuk K. Vijayanathan pula mempunyai tanggungjawab berat bagi memastikan pemilihan itu berjalan lancar dan adil.

Sesungguhnya, pemilihan MIC hari ini pasti menarik dan akan membawa banyak kejutan.

Debaran semakin kencang bukan sahaja bagi setiap calon yang bertanding tetapi juga mereka yang mengikuti pemilihan itu dengan penuh minat.

Kita yang turut teruja untuk mengetahui sama ada kemenangan berpihak kepada Subramaniam atau sebaliknya hanya boleh tunggu dan lihat.